

PAKEJAN MAKLUMAT DADAH



Sumber Maklumat :

<https://www.masac.my/jbsihat>
<https://www.adk.gov.my/wp-content/uploads/Risalah-Jenis-Dadah.pdf>
<https://anyflip.com/dxcsh/fbhl>


Disediakan oleh : Dyg Sharfinaz Bte Abg Hassan
Pembantu Pustakawan S2
April 2025



JENIS-JENIS

& BAHAN-BAHAN TERLARANG





ISI KANDUNGAN

- 1** **APA ITU DADAH?**
- 2** **OPIAT**
- 3** **STIMULAN**
- 4** **GANJA**
- 5** **DEPRESEN**

- 6** **HALUSINOGEN**
- 7** **INHALAN**
- 8** **KETUM**
- 9-11** **NPS**
- 12** **ALAMAT AADK**

Apa itu DADAH?

“DADAH” atau **‘drug’** adalah bahan atau kimia yang amat merbahaya kepada individu yang menggunakannya kerana ia mengubah cara minda dan tubuh manusia berfungsi.



DADAH & ciri-cirinya

Ciri-ciri dadah adalah seperti berikut:

- Mempunyai kesan paling ketara ke atas sistem saraf pusat (otak dan saraf tunjang)
- Digunakan bukan untuk tujuan perubatan dan penggunaannya adalah dilarang
- Diperolehi secara haram
- Membawa kepada kebergantungan fizikal dan psikologikal dan meningkatkan daya tahan terhadap dadah;
- Mendatangkan kesan-kesan buruk dan bahaya ke atas kesihatan dan fungsi sosial seseorang.

Menurut Kamus Dewan Melayu-Inggeris, **‘Drug’** bermaksud ubat-ubatan. Namun begitu, untuk memberi takrifan penyalahgunaan kepada **‘Drug’** perkataan **‘use’**, **‘misuse’** atau **‘abuse’** perlu digunakan bersama-sama dengan perkataan **‘drug’**. Contohnya **‘drug abuse’** atau **‘misuse of drug’** yang membawa maksud penyalahgunaan dadah.

Dadah merupakan satu istilah khas yang merujuk kepada sejenis bahan yang mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan seseorang dari segi fizikal, mental dan emosi serta tingkahlaku pengguna apabila digunakan.

Akibat daripada kesan ini, seseorang yang menyalahgunakan dadah akan menjadi ketagihan dan akan terus bergantung kepadanya.



Maklumat Asas

OPIAT

Dadah Opiat adalah campuran yang diperolehi daripada biji popi. Opiat berasal dari candu (opium) yang diperolehi dari sejenis tumbuhan yang dikenali sebagai ***Papaver Somniferum***. Candu ini mengandungi pelbagai bahan yang berbeza dan kemudiannya diasingkan dan diproses menjadi Morfin dan seterusnya Kodein.

JENIS-JENIS

- Opiat (Candu)
- Heroin (Fit, Ubat, Panas, Stuff)
- Morfin (Pokteh)
- Kodein (Ubat Batuk)

Kesan Pengambilan

Pengambilan bahan ini akan membuatkan penggunaanya menjadi khayal (euphoria), ketagihan dan sindrom pengunduran/penarikan dan akhirnya kebergantungan yang berpanjangan sehingga menjejaskan fungsi kehidupan seharian seperti pembelajaran, pekerjaan, rumah tangga dan hubungan sosial.

Mengapa Ia Berbahaya?

Penyalahgunaan bahan ini terutamanya melalui cara suntikan mengakibatkan kesan buruk kepada anggota badan seperti kegagalan jantung, jangkitan seperti HIV/AIDS, radang hati (Hepatitis B/C), kemurungan/ kecelaruan mental, kebergantungan dan sindrom penarikan yang teruk seperti kekejangan otot dan sendi, sakit perut, muntah-muntah dan cirit birit yang serius. Kesan *overdose* Opiat menyebabkan retensi urin, halusinasi, delirium, hypotermia, pernafasan terhenti dan sawan.



Maklumat Asas

STIMULAN

Stimulan jenis Amfetamine (ATS) merupakan sekumpulan jenis dadah perangsang yang bertindak ke atas sistem saraf pusat atau *Central Nervous System (CNS)*. Ia merupakan sejenis dadah sintetik yang dihasilkan melalui tindakan bahan-bahan kimia.

JENIS-JENIS

- Amphetamine (kuda, WY, yaba)
- Ecstasy (goyang)
- Methamphetamine (ice, syabu, sejuk, batu)

Mengapa Ia Berbahaya?

Penyalahgunaan bahan ini mengakibatkan kesan buruk seperti tiada selera makan, kehilangan berat badan yang serius, tekanan darah tinggi dan serangan jantung. Ia juga menjadikan keadaan mental tidak stabil dengan manifestasi tingkah laku yang ganas, kawalan emosi yang terjejas serta kecenderungan untuk membunuh diri. Tanda-tanda dos yang berlebihan pula adalah badan menggigil, hiperaktif, kesukaran bernafas, panik, halusinasi, ganas, muntah, cirit-birit, loya, serangan jantung dan sawan.

Kesan Pengambilan

Kesan serta merta pengambilan bahan menyebabkan khayal (*euphoria*), tidak mengantuk, tidak lapar ataupun letih tetapi lama-kelamaan menyebabkan kebergantungan yang berpanjangan yang mengganggu fungsi sosial di dalam masyarakat.



Maklumat Asas

GANJA

Nama saintifik tumbuhan ini adalah ***Cannabis Sativa***. Kanabis/Ganja merupakan sejenis tumbuhan yang didapati tumbuh meliar di banyak tempat. Ia juga dikenali sebagai ***Marijuana*** dan dikatakan berasal dari bahasa Portugis iaitu ***Mariguango*** yang bermaksud memabukkan.

JENIS-JENIS

- Kanabis Herba
- Resin Getah Kanabis (Hashish, Charas)
- Minyak Hashish

Kesan Pengambilan

THC adalah bahan utama dalam Ganja yang mengubah persepsi dan menyebabkan badan dalam keadaan yang santai. Penyalahguna ganja mengalami keadaan berikut:

- Lali dengan persekitaran
- Waktu berlalu dengan perlahan
- Berasa cemas dan curiga
- Hilang kawalan diri
- Rasa mengantuk apabila kesan THC telah hilang

Mengapa Ia Berbahaya?

Penyalahgunaan Ganja dalam jangka panjang dan kerap boleh menyebabkan daya ingatan dan kebolehan berfikir akan terjejas. Penyalahgunaan Ganja dari usia yang muda menyebabkan perkembangan otak akan terbantut dan akhirnya menjejaskan fungsi serta peranan otak. Kesan buruk dalam jangka masa panjang juga menyebabkan penyalahguna menjadi malas (amotivational syndrome) dan antisosial. Penyalahgunaan Ganja tidak akan menyedari kesan-kesan tersebut tetapi ahli keluarga dan rakan-rakan akan merasai perubahan-perubahan yang berlaku.



Maklumat Asas

DEPRESEN

Kumpulan dadah depresen (penekan) merupakan sejenis dadah yang bertindak terhadap sistem otak sehingga membuatkan seseorang itu tidak sedarkan diri bila diambil secara berlebihan. Dalam bidang perubatan, dadah jenis ini digunakan sebagai ubat penenang, meredakan kesakitan untuk tidur lena. Walaubagaimanapun, ia telah menjadi salah satu dadah yang disalahgunakan.

JENIS-JENIS


- Pil tidur dan transkuiliser (Dormicum, Up John, Dormi, Eramin 5, Apo, Someese, Blank, Robot, Rosche, Button, Valium, Librium, Tauxene, Ativan, Xanax dan Lora)

Mengapa Ia Berbahaya?

Penyalahgunaan bahan ini mengakibatkan kesan buruk seperti kecelakaan jalan raya dan kemalangan, gejala penyakit mental seperti keresahan melampau, kemurungan dan psikosis. Ia juga menyebabkan keletihan, kecenderungan untuk membunuh diri dan ketagihan.

Kesan Pengambilan

Penyalahgunaan akan mengalami keadaan mengantuk yang berlebihan, hilang konsentration, keliru, pening, percakapan tidak jelas, ingatan dan pergerakan tubuh badan yang terjejas, tekanan darah rendah dan nafas menjadi perlahan. Jika diminum dengan alkohol, pernafasan dan degupan jantung semakin perlahan dan menyebabkan kematian.



Maklumat Asas

HALUSINOGEN

Halusinogen adalah sejenis dadah asli dan sintetik yang mengubah pencerapan deria **sensory perception** dan pandangan visual. Ia menyebabkan halunisasi sehingga amat susah membezakan antara benar dan tidak benar.

JENIS-JENIS

- LSD (*Lysergic Acid Dierhylamide*)
- DMT (*Dimethyltryptamine*)
- PCP (*Phencyclidine*, "Angel Dust")
- Meskalin
- Psilosibin & Psilosin
- Ketamin

Kesan Pengambilan

Pengambilan bahan ini boleh menjadikan penggunaanya mengalami perasaan seperti ingin bersosial, tenaga fizikal dan emosi yang meningkatkan dalam tempoh yang singkat serta akan menyebabkan ketagihan jika diambil dalam jangka masa panjang.

Mengapa Ia Berbahaya?

Penyalahgunaan bahan ini mengakibatkan kesan buruk seperti kurang pertimbangan dan koordinasi yang boleh menyebabkan risiko kecederaan yang tinggi, tingkah laku yang ganas, paranoia, tertekan dan juga kebimbangan yang melampau.



Maklumat Asas

INHALAN

Bahan kimia yang mengandungi bahan psikoaktif yang dihasilkan daripada pelarut organik dan bahan meruap. Inhalan juga dikenali sebagai bahan hiduan atau sedutan yang mudah meruap (*votile*). Ia dihidu atau disedut untuk menimbulkan kesan psikoaktif atau merangsang perubahan minda.

JENIS-JENIS

- Pelarut / Cecair
- Bahan gas
- Aerosol
- Bahan Nitrik

Mengapa Ia Berbahaya?

Penyalahgunaan bahan ini mengakibatkan kesan buruk serta-merta dan juga jangka panjang. Kesan serta-merta adalah seperti berhalusinasi, rasa mual, pening, nafas tidak sekata, terhuyung-hayang, emosi kurang stabil dan kehilangan deria sakit. Kesan jangka panjang pula adalah kerosakan sel otak dan organ utama, gangguan penglihatan, sakit jantung dan kematian mengejut.

Kesan Pengambilan

Bahan ini bertindak dengan menjadikan penggunaanya berasa khayal. Kesannya seakan sama dengan mabuk akibat minum alkohol yang banyak. Perasaan khayal ini akan berterusan selama 15 minit sehingga 2 jam. Sekiranya kuantiti atau kepekatan inhalan itu tinggi, pengguna mungkin hilang deria rasa dan seterusnya tidak sedarkan diri.



Maklumat Asas

KETUM

Nama saintifik pokok ketum ialah ***Mitragyna Speciosa Korth.*** Suatu ketika dahulu ia banyak digunakan sebagai ubat tradisi untuk merawat penyakit.

JENIS-JENIS

- Pokok malar hijau, daun berwarna hijau tua berkilat, bunga kuning kecil
- 2 jenis dedaun bertulang. Satu berwarna merah dan satu lagi berwarna putih (Dikatakan mempunyai kesan halusinogenik yang lebih kuat)

Kesan Pengambilan

Bahan ini boleh bertindak dalam masa 5-10 minit setelah diambil dan tahan selama 6 jam. Ia mampu mengurangkan ketegangan otot dan memberi pengguna peningkatan tenaga fizikal serta keupayaan melakukan kerja berat bgi jangka masa yang lama.

Mengapa Ia Berbahaya?

Penyalahgunaan bahan ini mengakibatkan kesan buruk seperti hilang kawalan diri, rasa bosan dan malas, kurang sensitif terhadap kesihatan fizikal dan emosi, anak mata menjadi sempit, rasa loya, mulut menjadi kering, kerap kencing, hilang selera makan dan turun berat badan, sembelit dan juga insomia (tidak boleh tidur malam).

Kategori

NPS

NEW PSYCHOACTIVE SUBSTANCES

Synthetic Cannabinoids

Adalah reseptor agonis *cannabinoid* yang menghasilkan kesan-kesan yang sama dengan delta-9-tetrahydrocannabinol (THC), komponen psikoaktif utama dalam ganja. Sintetik *cannabinoids* sering dicampur ke dalam produk herba dan dijual sebagai rempah, K2, kronik dan lain-lain.



Aminoindanes

Adalah 5,6-methylenedioxy-2- aminoindane (MDAI) yang merupakan contoh bahan yang telah dijual sebagai NPS untuk kemampuan mereka menghasilkan kesan gangguan emosi akibat daripada kesan serotonin yang dihasilkan oleh dadah seperti MDMA.



Synthetic Cathinones

Merupakan analogi bahan *cathinone* yang dikawal di peringkat antarabangsa, salah satu komponen-komponen aktif dalam tumbuhan khat. Secara umumnya ia mempunyai kesan-kesan perangsang yang kerap dilaporkan NPS seperti *mephedrone* dan *MDPV*.



Kategori

NPS

NEW PSYCHOACTIVE SUBSTANCES

Bahan-bahan berasaskan tumbuhan

Kumpulan ini termasuk tumbuhan-tumbuhan dengan ciri-ciri psikoaktif. Yang paling kerap dilaporkan adalah :



Ketum (*Mitragnya Speciosa Korth*)

Tumbuhan asli Asia Tenggara yang mengandungi *alkaloid mitragyne*. Dos yang rendah ia akan menjadi sebagai bahan perangsang manakala dos yang tinggi menjadi ubat pelali.



Salvia Divinorum

Tumbuhan yang berasal dari kawasan hutan di Oaxaca, Mexico. Ia mengandungi bahan aktif salvinorin A, bahan halusinogen.



Khat (*Catha Edulis*)

Tumbuhan asli dari Afrika dan semenanjung Arab. Daun tumbuhan ini dikunyah dan menyebabkan pembebasan agen perangsang *Cathinone* dan *Cathine*.



Ketamin dan bahan jenis *Phencyclidine*

Ketamin ialah bahan yang memberi kesan bius kepada manusia dan haiwan yang bertindak sebagai bahan perangsang pada dos yang rendah serta halusinogen pada dos yang tinggi.

Merupakan salah satu bahan NPS tersebar di Asia. Dadah jenis *Phencyclidene* adalah satu lagi kumpulan NPS yang terkini di pasaran. *Phencyclidene* (PCP) dan ketamin mempunyai persamaan struktur dan dikelaskan sebagai *Arylcycloalkylamines*.

Kategori

NPS

NEW PSYCHOACTIVE SUBSTANCES

Phenethylamines

Kumpulan ini mengandung bahan-bahan yang berkaitan dengan amphetamine dan methamphetamine, dan secara umumnya menghasilkan kesan-kesan perangsang. Walau bagaimanapun, pengubahsuaian sebatian ini boleh membawa kepada Halusinogen yang kuat seperti *Bromo-Dragonfly*.



Lain-lain bahan

Bahan NPS dalam kategori ini mempunyai struktur yang pelbagai dan tidak sesuai dalam kategori yang disebutkan di atas sebagai contoh, *1,3-dimethylammine (DMAA)*.



Tryptamines

Ini adalah derivatif daripada tryptamine yang wujud secara semula jadi dan mempunyai ciri-ciri halusinogen. Satu contoh yang biasa adalah *5-Methoxy-N,N-dipropyltryptamine (5-Meo-DPT)*.



Piperazines

Bahan ini sering dijual sebagai *Ecstasy* kerana merangsang sistem saraf pusat. Antara yang sering dilaporkan yang tergolong dalam kumpulan ini adalah *benzylpiperazine (BZP)* dan *mCPP (1-(3-chlorophenyl) piperazine)*.

Alamat Pejabat-Pejabat

AADK DI SELURUH NEGARA



AGENCI ANTIDADAH KEBANGSAAN
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
<http://www.adk.gov.my>

IBUPEJABAT AADK

Agensi Antidadah Kebangsaan
Kementerian Dalam Negeri
Jalan Maktab Perguruan Islam
43000 Kajang
Selangor Darul Ehsan

Tel. Am : 03-89112200
Faks : 03-89262055

PERLIS

Agensi Antidadah Kebangsaan
Negeri Perlis
Tingkat 5, Bangunan Persekutuan
Kangar, Persiaran Jubli Emas
01000 Kangar
Perlis Indera Kayangan

Tel. Am : 04-9764603
Talian Terus : 04-9769171
Faks : 04-9776352

KEDAH

Agensi Antidadah Kebangsaan
Negeri Kedah
Tingkat 3, Bangunan KDN, Komplek
Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
Bandar Muadzam Shah
06550 Alor Setar
Kedah Darul Aman

Tel. Am : 04-7000170/171
Faks : 04-7000172

PULAU PINANG

Agensi Antidadah Kebangsaan
Negeri Pulau Pinang
Aras 5, Bangunan Persekutuan
Jalan Anson
10400 Georgetown
Pulau Pinang

Tel. Am : 04-2279400
Faks : 04-2278400

PERAK

Agensi Antidadah Kebangsaan
Negeri Perak
Aras 2, Kompleks KDN
Persiaran Meru Utama
Bandar Meru Raya
30200 Ipoh
Perak Darul Ridzuan

Tel. Am : 05-5288811
Faks : 05-5288815

SELANGOR

Agensi Antidadah Kebangsaan
Negeri Selangor
Tingkat 1B, Bangunan
Persekutuan, Jalan Sultan
46200 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

Tel. Am : 03-79576034/5534
Talian Terus : 03-79683864
Faks : 03-79576396

WP KUALA LUMPUR

Agensi Antidadah Kebangsaan
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Aras 11& 12, Menara Mara 232
Jalan Tuanku Abdul Rahman
50100 Kuala Lumpur

Tel. Am : 03-26040182
Faks : 03-26040186

NEGERI SEMBILAN

Agensi Antidadah Kebangsaan
Negeri Sembilan
Tingkat 3, Bangunan Yayasan
Negeri Sembilan, Jalan Yam Tuan
70000 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus

Tel. Am : 06-7630875
Talian Terus : 06-7635293
Faks : 06-7649378

MELAKA

Agensi Antidadah Kebangsaan
Negeri Melaka
Aras 2, Blok Pentadbiran
Kompleks KDN, 75450 Ayer Keroh
Melaka Darul Azim

Tel. Am : 06-2322602
Talian Terus : 06-2322059
Faks : 06-2322607

JOHOR

Agensi Antidadah Kebangsaan
Negeri Johor
Blok 5, Kompleks KDN
Setia Tropika, Kempas
81200 Johor Baharu
Johor Darul Takzim

Tel. Am : 07-2373616
Faks : 07-2373617

PAHANG

Agensi Antidadah Kebangsaan
Negeri Pahang
Aras 5, Kompleks KDN
Bandar Indera Mahkota
25200 Kuantan
Pahang Darul Makmur

Tel. Am : 09-5732848
Talian Terus : 09-5732214
Faks : 09-5739278

TERENGGANU

Agensi Antidadah Kebangsaan
Negeri Terengganu
Aras 3-4, Wisma Seri Amar
Jalan Sultan Ismail
20200 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman

Tel. Am : 09-6234199
Faks : 09-6248507

KELANTAN

Agensi Antidadah Kebangsaan
Negeri Kelantan
Tingkat 8, Menara Perbadanan
Jalan Tengku Petra Semerak
15000 Kota Bharu
Kelantan Darul Naim

Tel. Am : 09-7414700
Talian Terus : 09-7437664
Faks : 09-7483666

SABAH

Agensi Antidadah Kebangsaan
Negeri Sabah
Lot 2-6-1 hingga Lot 2-6-7
Tingkat 5, Wisma San Hin
Plaza Wawasan
Lorong Plaza Wawasan
88000 Kota Kinabalu, Sabah

Tel. Am : 03-26040182
Faks : 03-26040186

SARAWAK

Agensi Antidadah Kebangsaan
Negeri Sarawak
Bangunan Baitulmal
Lot 146-148, Seksyen 8
Peti Surat 2347
Jalan Haji Tahar
93400 Kuching, Sarawak

Tel. Am : 082-233540/349
Talian Terus : 082-422670
Faks : 082-422608

AMBIL KISAH, AMBIL TINDAKAN

KOMUNITI KITA, TANGGUNGJAWAB KITA

Cure&Care



PENCEGAHAN DADAH BERMULA DARI RUMAH



AMBIL KISAH, AMBIL TINDAKAN
KOMUNITI KITA, TANGGUNGJAWAB KITA



- Agensi Antidadah Kebangsaan Malaysia



- Skuad.aadk
- aadkmalaysia



- AADKMalaysia
- SKUADAADK



- MrAADK



- <https://public.adk.gov.my/antidadah>



- 019-6262 233



- 03-8911 2233



- <http://nodrugplease.blogspot.com>



Agensi Antidadah Kebangsaan
Kementerian Dalam Negeri
<https://www.adk.gov.my>

KESAN PENGAMBILAN DADAH

❖ KESIHATAN MENTAL DAN FIZIKAL TERJEJAS

INDIVIDU YANG MENGAMBIL DADAH AKAN TERDEDAH KEPADA
PELBAGAI PENYAKIT YANG STERUSNYA MENINGKATKAN RISIKO
KEMATIAN

KEMATIAN



HALUSINASI

KESAN PENGAMBILAN DADAH

❖ MASALAH KEWANGAN

APABILA KETAGIH, SESEORANG INDIVIDU SANGGUP MENCURI
DEMI DAPAT MEMBELI DADAH YANG MEREKA INGIN
SEHINGGA MENCEDERAKAN ORANG LAIN.

MEMERAS WANG



MENCURI

KESAN PENGAMBILAN DADAH

❖ KEHANCURAN HUBUNGAN

INDIVIDU YANG MENGAMBIL DADAH AKAN DIJAUHI OLEH
MASYARAKAT DAN LEBIH SUKA MENYENDIRI



KESAN PENGAMBILAN DADAH

❖ MENJADI AGRESIF

MENTALITI SEMAKIN TIDAK STABIL MEMBUATKAN SESEORANG INDIVIDU YANG MENGHISAP DADAH TIDAK DAPAT MENGAWAL PERASAANNYA.

BERGADUH



MEMBUNUH



KESAN PENGAMBILAN DADAH

❖ KEGIATAN JENAYAH MENINGKAT

MENGHISAP DADAH MERUPAKAN SALAH SATU JENAYAH YANG
SANGAT BERBAHAYA.

HUKUMAN PENJARA



DITANNGKAP



KESAN PENGAMBILAN DADAH



KEHANCURAN DIRI SENDIRI

DADAH SUDAH TENTU AKAN MEROSAKKAN DIRI SENDIRI TIDAK
KIRA MELALUI HUBUNGAN, KESIHATAN MAHUPUN
KESELAMATAN.



Disediakan oleh : Dyg Sharfinaz Bte Abg Hassan
Pembantu Pustakawan S2
April 2025